

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
ALAM MARITIM (M) SDN BHD,
KUALA LUMPUR

DISEDIAKAN OLEH :
MOHD RIZAL BIN MOHAMAD YAHYA
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

CN 2285

PERPUSTAKAAN

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039913

LI 39 FPE 2 2005



1100039913

Laporan akhir latihan industri di Alam Maritim(M) Sdn Bhd /
Mohd Rizal Mohamad Yahya.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039913		

Lihat sebelah

1
9
pE
2
2005

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI ALAM MARITIM (M) SDN BHD, KUALA LUMPUR

Disediakan Oleh :

**MOHD RIZAL BIN MOHAMAD YAHYA
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**


2005

1100039913

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **MOHD RIZAL BIN MOHAMAD YAHYA**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Dimaklumkan di sini Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Yang benar,



Nama : MOHD RIZAL BIN MOHAMAD YAHYA

Tarikh : ...27 NOVEMBER 2005..

Disahkan oleh:



Prof Madya Dr. Abdul Razak Kamaruddin
Penyelia KUSTEM
b/p Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM.

*Buat Babah Yang Tersayang....
Semoga Roh Mu Di Cucuri Rahmat
Hanya Surah Yasin, Al-Fatihah Dan Sekalung Doa
Yang Dapat Anakanda Utuskan Untuk Mu Di sana*

*Buat Ibunda Yang Tercinta....
Yang Tidak Pernah Jemu Memberi Semangat
Serta Dorongan Kepada Anakanda*

*Buat Abang, Kakak dan Adik-Adik...
Terima Kasih Di Atas Segala Pertolongan Yang di Beri
Akan Ku Kenang Sampai Bila-bila*

*Anda Semua Merupakan Nyawa Ku...
Tanpa Anda Tiada Ku Di Alam Ini....*

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Abdul Razak Bin Kamaruddin selaku Penyelia Latihan Industri KUSTEM di atas segala bantuan, tunjuk ajar dan segala dorongan yang telah diberikan sebelum dan sepanjang tempoh pelatih menjalani latihan industri. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kerana kesudian beliau memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih di dalam menyiapkan laporan ini. Segala kerjasama yang diberikan amatlah pelatih hargai.

Seterusnya, pelatih juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Alam Maritim (M) Sdn Bhd kerana sudi mengambil pelatih untuk menjalani latihan industri di syarikat berkenaan. Tidak di lupakan juga kepada En. Azmi Bin Ahmad , selaku Pengarah Urusan Alam Maritim (M) Sdn Bhd di atas segala pengalaman dan tunjuk ajar yang yang telah diberikan.

Tidak ketinggalan juga penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kapten Shahrurizam Salleh dan juga En. Rahman Hashim yang menjadi penyelia industri pelatih yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar dan mendedahkan pelatih dengan pelbagai ilmu dan pengalaman yang belum pemah pelatih pelajari sebelum ini. Sesungguhnya segala ilmu yang diberikan kepada pelatih merupakan sesuatu yang dianggap bekalan yang dapat melengkapkan diri pelatih baik dari segi ilmu dan pengalaman untuk pelatih aplikasikan nanti di alam pekerjaan.

Selain itu, terima kasih juga kepada semua kakitangan Alam Maritim (M) Sdn Bhd khasnya Pn. Norena Bt Nasir, En. Nor Azahari b Shamsudin, Pn. Hamidah bt Ishak, En. Mohd Norizam b Sarmin dan Kapten Ramli b Bujang yang banyak memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pelatih sewaktu menjalani latihan industri. Kerjasama dan segala pertolongan yang telah diberikan ini telah memudahkan pelatih untuk menjalani latihan industri dengan baik.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada mereka yang turut terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan pelatih maklumat-maklumat yang berkaitan dengan operasi kerja di Alam Maritim (M) Sdn Bhd khasnya Alam Hidro (M) Sdn. Bhd. selaku anak syarikat dan Najdah Gemilang Sdn. Bhd selaku ejen syarikat perkapalan ini.

Selain itu, pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE) dan kepada para Ahli-ahli Jawatankuasa latihan industri kerana telah bertungkus lumus bagi membantu para pelajar bagi mendapatkan tempat di dalam syarikat-syarikat yang berkaitan. Kesungguhan serta kesabaran mereka melayani kerennah para pelatih amatlah dihargai.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu saya, Pn. Rahimah bt Satiman dan kepada semua ahli keluarga saya yang banyak memberi semangat serta dorongan sepanjang pelatih menjalani latihan industri. Jasa mereka amat pelatih hargai. Tidak dilupakan kepada para rakan seperjuangan daripada Jurusan Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) yang banyak membantu pelatih dalam mendapatkan tempat di dalam syarikat. Ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada mereka semua. Segala tunjuk ajar, dorongan serta semangat yang diberi, pelatih amatlah di hargai.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	iii
SENARAI RAJAH	vii
RINGKASAN EKSEKUTIF	viii

BAB SATU (LATAR BELAKANG ORGANISASI)

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Syarikat Alam Maritim (M) Sdn Bhd	
1.1.1 Latar Belakang Syarikat	3
1.1.2 Lokasi	5
1.2 Maklumat Organisasi	7
1.3 Carta Organisasi	9
1.4 Senarai Kakitangan Alam Maritim	10
1.5 Fungsi Dan Aktiviti Bahagian	
1.5.1 Bahagian Operasi Dan Teknikal	12
1.5.2 Bahagian Projek	15
1.5.3 Bahagian Kewangan	16
1.6 Perkhidmatan Yang Disediakan	18
1.7 Polisi Perlindungan Keselamatan Dan Persekutaran Syarikat	20
1.8 Kekuatan Organisasi	
1.8.1 Pihak Pengurusan Dan Kakitangan	22
1.8.2 Prinsip Syarikat	23
1.8.3 Kapal Milik Syarikat	23
1.8.4 Anak Syarikat	25
1.9 Projek Kendalian Alam Maritim (M) Sdn Bhd	26
1.10 Kemahiran Yang Ingin Ditumpukan	28

MUKA SURAT

BAB DUA (PENILAIAN SISTEM)

2.0	Pengenalpastian Masalah Dan Cadangan Penyelesaian	
2.1	Sistem Kerja Pengambilan Krew Kapal	31
2.1.1	Pengenalpastian Masalah	41
2.1.2	Cadangan Penyelesaian Dan Implikasi	43
2.2	Sistem Penerimaan Tender	44
2.2.1	Pengenalpastian Masalah	51
2.2.2	Cadangan Penyelesaian Dan Implikasi	54
2.3	Sistem Pembelian Barang	55
2.3.1	Pengenalpastian Masalah	61
2.3.2	Cadangan Penyelesaian Dan Implikasi	63

BAB TIGA (PENUTUP DAN KESIMPULAN)

3.0	Penutup	
3.1	Rumusan Dan Cadangan Keseluruhan	65
3.2	Cadangan Latihan Industri	66
RUJUKAN		68
LAMPIRAN		69

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 1	Carta Alir Sistem Pengambilan Krew Kapal	40
Rajah 2	Carta alir Sistem Penerimaan Tender	50
Rajah 3	Carta Alir Sistem Pembelian Barang	60

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri (LI) merupakan satu komponen subjek yang sangat penting di dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Melalui latihan industri ini pelatih telah dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi mengenai teori dan pengajaran yang selama ini hanya dipelajari di dalam bilik kuliah sahaja. Pelatih telah didedahkan dengan pelbagai situasi di samping pendedahan di dalam aspek kemahiran asas profesionalisme pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian yang sedang diduduki pelatih ketika ini di Kolej Universiti Sains Dan Teknologi (KUSTEM). Sepanjang tiga bulan menjalani LI, pelatih telah ditempatkan di Alam Maritim (M) Sdn Bhd, di mana syarikat ini mempunyai perniagaan yang berteraskan penyediaan perkhidmatan perkapalan dan pemilikan kapal. Syarikat ini telah ditubuhkan pada 15 Julai 1996 dengan nama Majestic Line Sdn. Bhd dan di tukar kepada Alam Maritim (M) Sdn Bhd pada 2 Januari 1998. Sepanjang 12 minggu berada di Alam Maritim (M) Sdn Bhd, pelatih telah ditempatkan di Bahagian Teknikal dan Operasi di Alam Maritim (M) Sdn Bhd di Sri Petaling, Kuala Lumpur. Pelatih telah diberi peluang untuk mempelajari selok belok dunia perniagaan di dalam industri maritim, di samping diberi pendedahan mengenai teknik-teknik berurusan dengan pelanggan, berurusan dengan pihak berkuasa dan pelbagai lagi kemahiran interpersonal yang lain. Pelatih turut berpeluang untuk mempelajari sekurang-kurangnya tiga sistem kerja sepanjang berada di Alam Maritim (M) Sdn Bhd. Tiga sistem kerja yang dimaksudkan ialah Sistem kerja Pengambilan krew yang pelatih perolehi di Bahagian Teknikal dan Operasi, Sistem kerja Penerimaan Tender yang pelatih perolehi daripada Bahagian Projek dan sistem kerja Pembelian Barang yang pelatih perolehi daripada Bahagian Kewangan. Melalui analisis yang pelatih sendiri lakukan, terdapat beberapa masalah sebenar disamping potensi untuk mendapat masalah di dalam sesuatu sistem kerja itu wujud sepanjang proses sistem kerja ini berjalan. Antara masalah yang wujud, ada yang berpunca dari individu itu sendiri, persekitaran dan juga aspek teknikal. Justeru itu, melalui laporan ini, pelatih turut menyenaraikan beberapa cadangan penyelesaian untuk menyelesaikan masalah yang timbul dan dapat membantu pihak pengurusan bagi mengatasi masalah yang wujud di dalam tiga sistem yang diutarakan oleh para pelatih. Namun ingin dijelaskan di sini, tidak semua masalah yang diutarakan merujuk kepada masalah yang diperhatikan sendiri oleh pelatih sepanjang mengikuti sistem kerja berkenaan tetapi melalui temuramah yang dilakukan oleh pelatih terhadap para pekerja di syarikat yang berkenaan.